

Nama: _____

Kelas: _____



Baca petikan di bawah dengan intonasi yang betul. Kemudian, berikan maksud perkataan di bawah.

EMK: Pengurusan Kewangan

Dalam **ketidaktentuan** keadaan ekonomi semasa, bukan golongan pekerja sahaja yang perlu **mengawal** perbelanjaan, malahan golongan pelajar juga tidak terkecuali. Sebagai pelajar, kita perlulah bijak **merancang** kewangan agar kehidupan lebih terjamin.

Setiap kali mendapat **wang saku**, pelajar perlulah merancang perbelanjaan harian secara bijak. Mereka boleh menyediakan jadual **pengagihan** wang dengan **merekodkan** jumlah pendapatan, perbelanjaan dan simpanan pada minggu tersebut.

Selain itu, para pelajar hendaklah menjadi seorang pengguna yang bijak ketika berbelanja dengan **mengenal pasti** antara **keperluan** dengan **kehendak**. Pelajar perlu mengelakkan diri daripada berbelanja secara **boros**. Simpan lebihan wang untuk kegunaan semasa kecemasan kerana malang tidak berbau.

Bagi pelajar yang bersekolah **asrama**. Mereka boleh meminta ibu bapa untuk memasukkan wang perbelanjaan ke dalam bank. Tujuannya adalah untuk mengelakkan **kecurian**.

Padankan makna bagi perkataan di bawah.

Perkataan		Maksud
1 ketidaktentuan		Mengatur lebih dahulu, mempersiapkan, merencanakan
2 mengawal		Mengetahui serta menentukan
3 merancang		Perihal yang tidak tentu, ketidakpastian
4 wang saku		Wang yang dibawa untuk digunakan apabila diperlukan
5 merekodkan		Mengawas atau mengawasi, mengontrol
6 mengenal pasti		Bangunan tempat tinggal kumpulan tertentu, hostel
7 keperluan		Keinginan, kemahuan
8 kehendak		Mencatat
9 boros		Kehilangan harta benda
10 asrama		Sesuatu yang diperlukan (dikehendaki), berguna, kepentingan
11 kecurian		Tidak hemat, suka mengeluarkan wang berlebih-lebihan